

MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS DAN PEMAKAIAN PANGKAT

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4371-majlis-pembukaan-kursus-dan-pemakaian-pangkat

INSMAT, 15 Jan 19 - Majlis pembukaan kursus bagi Kursus Asas Materiel Siri 184/2019 dan Kursus Pengangkutan Kenderaan Kelas Dua Siri 86/2019 telah berlangsung di Auditorium Institut Latihan Pengurusan Materiel TUDM Kinrara yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM.



Dalam majlis ini turut diadakan Pemakaian Pangkat kepada anggota LLP yang bertugas di Flait Provos iaitu LU I Muhammad Aifaa bin Mat Baliya dinaikkan ke pangkat Laskar Udara Kanan.



Dalam ucapan Pegawai Memerintah mengingatkan supaya para pelatih dapat menjaga imej TUDM dengan baik, menimba ilmu bagi meningkatkan pengetahuan, menjadi warga yang berketrampilan, berkemahiran serta mempunyai nilai peribadi yang baik. Beliau juga mengingatkan supaya mematuhi peraturan INSMAT supaya tidak menjelaskan kursus yang dihadiri dan mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat.

